



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SABTU, 06 OGOS 2022	
1.	MAHA 2022: Nafas tawar diskaun sehingga 30 peratus
2.	Chicken feed conspiracy exposed -Firms to present submissions
3.	Peniaga ayam runsing jualan merosot
4.	Tuan kerdil 'lembu sado'
5.	Five chicken feed millers allegedly engaged in anti-competitive conduct
6.	Kartel naikkan harga makanan ayam didedah

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
06.08.2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	24

MAHA 2022: Nafas tawar diskaun sehingga 30 peratus



KHAIRUL IZZAT



MAS AYU

SERDANG - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menawarkan promosi produk sehingga 30 peratus sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung pada Khamis hingga 14 Ogos ini.

Eksekutif Pemasaran Nafas, Mas Ayu Chek Amat berkata, beberapa produk terpilih daripada jenama Peladang ditawarkan potongan harga sekitar 20 peratus hingga 30 peratus bagi setiap pembelian.

"Di MAHA, kami cuba melakukan jualan air secara barista klasik sejuk dan panas bagi mewakili produk runcit yang kami jual.

"Di samping itu, kami juga ada produk daripada Pertubuhan Peladang Kawasan Cameron Highlands bagi produk aiskrim pop-sicle yang mempunyai pelbagai perisa seperti strawberi.

"Dari segi harga, memang kita ada menawarkan promosi sehingga 30 peratus daripada harga jualan biasa," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di Pavilion Nafas di



Gelagat orang ramai yang mengunjungi Pavilion Nafas sempena MAHA 2022 di Maeps, Serdang pada Jumaat.



Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022

- 4 hingga 14 Ogos 2022
- 10 pagi hingga 10 malam
- Pavilion Nafas Dewan A, Maeps, Serdang
- Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok -Nafashq

Dewan A, Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps) di sini pada Jumaat.

Sementara itu, Eksekutif Pemasaran Nafas Food, Khairul Izzat Basir pula berkata, turut terdapat produk berasaskan ayam proses dengan diskaun sekitar RM2 bagi setiap item.

Menurutnya, produk yang dibekalkan itu antaranya ayam potong 14, ayam potong satu kilogram (kg), paha ayam tanpa tulang dan isi dada tanpa tulang.

"Jadi, untuk setiap produk kita tawarkan diskaun sebanyak RM2 daripada harga

runcit.

"Sebagai contoh, kalau ayam potong satu kg kita jual harga runcit sekitar RM18, tetapi di MAHA kita jual dengan harga RM16 manakala untu

tuk paha ayam tanpa tulang daripada RM22 kepada RM20," katanya.

Sehubungan itu, orang ramai disarankan supaya tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan harga istimewa tersebut.

Sebarang maklumat lanjut berhubung aktiviti dan program anjuran Nafas sepanjang di MAHA 2022 juga boleh didapati dengan melayari platform media sosial Nafas di Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
06.08.2022	THE STAR	NATION	MUKA DEPAN & 3

Chicken feed conspiracy exposed

A suspected chicken cartel, which allegedly saw five companies fixing the price of chicken feed among themselves, has been exposed by the Malaysia Competition Commission. The companies have now been given 30 days to explain their involvement. >3

Firms to present submissions

MyCC: Findings on poultry feed price fixing provisional, five not yet guilty

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: A suspected chicken cartel, said to involve five companies which conspired to fix prices, has been exposed by the Malaysia Competition Commission (MyCC).

The companies are Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd, FTM Berhad, Gold Coin Feedmills (Malaysia) Sdn Bhd, Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd, and PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd.

The five are accused of having agreed among themselves to

increase the price quantum of poultry feed, consisting of soybean meal and maize, which also led to the increase in poultry prices.

Malaysia Competition Commission (MyCC) chief executive officer Iskandar Ismail said the five enterprises have been given 30 days to explain their suspected involvement in the cartel.

"It must, however, be highlighted that our findings are provisional with the enterprises yet to be found guilty of breaking the law, at this stage," he told a press conference at the MyCC premise here yesterday.

He stated that they could make their oral submissions on a date to

be determined after their written submissions were received, and that it was still business as usual for the companies.

A proposed decision was delivered by MyCC yesterday, with a copy also sent to the five companies. A final decision is expected somewhere in October.

Iskandar said MyCC had provisionally found the companies to have infringed Section 4 of the Competition Act 2010.

"The infringements were committed between early 2020 and mid 2022, when they entered into an anti-competitive agreement and/or concerted practices.

"This was done through increasing the price quantum of poultry feed. Investigations also revealed that the sensitive commercial information shared between them could potentially distort competition in the market," he said.

He said this agreement had restricted consumers from choosing the poultry feed supplier that offered the best value.

MyCC began investigations early this year following complaints from industry players over the increasing price of chicken feed.

"This saw us conducting raids, seizing documents and also taking statements from relevant individuals," he said.

"If found guilty, MyCC will impose a financial penalty of up to 10% of the involved parties' worldwide turnover rate (during the period of infringement).

"MyCC also has the discretion to impose other appropriate directives," he said.

On Feb 1, MyCC announced it had set up a special task force to investigate the allegations of anti-competitive conduct.

This came following a directive from the National Action Council on the Cost of Living meeting chaired by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
06.08.2022	HARIAN METRO	LOKAL	7

Kuala Lumpur: Sejak dua minggu kebelakangan ini pasar sayur dan pelanggan yang ada tidak seramai dulu, malah bekalan ayam cukup tetapi pembeli tiada," kata peniaga ayam Mohamad Shah Azmi, 33.

Lebih ayam katanya mengakibatkan harga ayam terpaksa diturunkan berbanding harga siling ditetapkan kerajaan pada harga RM8.50 dan RM9.90 mengikut jenis ayam.

Mohamad Shah berkata, dia sendiri menjual ayam sekilo RM8.50 dan mengakui sejak kebelakangan ini kekurangan pembeli.

"Sebelum ini, ayam memang selalu habis dijual dan sekarang nak jual 50 ekor pun susah sangat."

"Belah dikatakan jualan peniaga ayam merosot kira-kira 30 peratus sebab dulu kami mampu menjual sehingga 100 ekor sehari, blarupun harga sudah dijual bawah harga siling," katanya

Peniaga ayam runsing jualan merosot



TINJAUAN di Pasar Basah Chow Kit, semalam mendapati peniaga gundah kerana kekurangan pembeli. - Gambar NSTP/IZAIRI SHAMSUDIN

kepada Harian Metro.

Tinjauan Harian Metro di Pasar Basah Chow Kit di sini, semalam mendapati peniaga mengeluh kerana kekurangan pembeli dan

ada daripadanya masih berdepan dengan kenaikan harga barangan.

Bagi peniaga sayur, Suhaimi Mohd Ali, 50, berkata harga untuk sayur tiada pe-

nurunan malah naik antara lima hingga 10 peratus.

Menurutnya, sayur kangkung naik 50 sen hingga RM1 berbanding RM4 sekilo



Sebelum ini, ayam memang selalu habis dijual dan sekarang nak jual 50 ekor pun susah sangat"

Mohamad Shah

sebelum ini dan cili kampung masih tiada perubahan harga dan terus kekal mahal iaitu sekitar RM20 sekilo.

"Saya tidak tahu kenapa harga sayur kekal mahal dan kami peniaga sekarang hanya beli sayur yang ada permintaan daripada pelanggan."

"Tempahan sayur daripada pembekal pula kami buat dalam kuantiti sedikit

kerana saya pernah menanggung rugi sayur yang dijual tidak laku dan rosak hampir separuh terpaksa dibuang," katanya.

Suhaimi berkata, tomato pula naik harga RM6 ke RM7 sekilo berbanding RM5.50 sebelum ini dan sawi mencecah RM5 sekilo naik dalam 10 peratus.

Sementara itu, penguna, Noor Ras'Adibah Rahmad 37, berkata dia sekarang hanya membeli barang basah yang dirasakan perlu dan mencari harga berpatutan.

"Harga tidak dinafikan memang ada yang naik mendadak, malah bekalan ayam mencukupi sekarang dan kami banyak pilihan."

"Saya sendiri akan beli dengan peniaga yang tawarkan harga berbaloi dan beli di pasar basah kerana segar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
06.08.2022	HARIAN METRO	LOKAL	9

TUAN Kerdil LEMBU SADO

Pok Cek tak putus asa ceburi bidang penternakan walaupun pernah alami kerugian RM40,000

Oleh Ahmad Rahul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Besut

Biarpun dilahirkan kerdil namun ia tidak menjadi penghalang kepada seorang pemuda dari Jerib. Besut untuk men-ceburi bidang penternakan lembu baka sado.

Malah, pembabit Abdul Halim Pauri, 21, dalam bi-dang penternakan lembu baka sejak berusia 10 tahun memberi hasil lumayan ke-padanya apabila mampu menjual lembu yang diter-nak dengan harga tinggi.

Abdul Halim atau lebih meera dipanggil Pok Cek berkata, dia meminati bi-dang penternakan lembu sejak kecil dan pernah me-ngalami kerugian besar apabila empat lembu baka

charolais yang diternak mati dipanah petir.

"Saya hampir berputus asa apabila empat lembu ke-sayangan dianggarkan ber-nilai lebih RM40,000 mati sekali gus dipanah petir.

"Lama juga saya bersedih sebelum ahli keluarga beri semangat untuk menernak lembu seperti biasa.

"Alhamdulillah, saya bangkit semula dan sehinga kini ada lebih 20 lembu baka limosin dan charolais dan ia menjadi sumber pen-dapatan utama," katanya.

Katanya, lembu paling mahal yang pernah dijual berharga RM60,000 iaitu lembu betina limosin pada 2020.

"Terbaru saya menjual dua lembu limosin betina dengan harga RM51,000 kepada penternak dari Ke-dah.

"Selain lembu sendiri saya juga membantu rakan penternak lain menjual lembu mereka dan mem-perolehi komisen daripada jualan itu," katanya.

Menurutnya, sebelum ini ramai orang yang tidak ya-kini kemampuannya men-

ternak lembu berikutan ke-adaan fizikalnya.

"Saya tak ambil hati jika ada sesiapa yang pandang negatif dan hairan kemam-puan saya menernak lem-bu baka, maklumlah saya kerdil tidak seperti orang lain.

"Malah, saya bangga ke-rana dapat membuktikan kemampuan diri menter-nak lembu seperti orang normal," katanya.

Bercerita lagi, dia mene-rima seadanya keadaan fi-zikalnya itu dan sentiasa bersyukur dan cuba beru-saha sebaik mungkin untuk berjaya dalam bidang pen-ternakan.

"Apa yang paling penting dalam hidup ialah usaha bersungguh-sungguh dan

POK Cek bersama penternak lembu baka sado.

POK Cek bersama lembu limosin yang dijual dengan harga RM51,000 untuk dua ekor.

tidak mudah berputus asa dalam setiap pekerjaan di-ceburi.

"Keafan fizikal yang normal bukan segala-gala-nya kerana paling penting kesungguhan dan usaha ki-ta untuk berjaya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
06.08.2022	NEW STRAITS TIMES	NATION	5

POTENTIALLY DISRUPTING MARKET

MyCC: Five chicken feed millers allegedly engaged in anti-competitive conduct

KUALA LUMPUR: Five chicken feed millers were allegedly found to have engaged in anti-competitive conduct, which included increasing the quantum price of poultry feed.

Malaysia Competitive Commission (MyCC) chief executive officer Iskandar Ismail said these companies were found to have engaged in anti-competitive agreements and integrated concerted practice by increasing the quantum price of the chicken feed containing soya bean and maize as the main ingredients.

He added that these companies were suspected to have engaged in such acts between early 2020 and the middle of this year.

"Preliminary investigations showed that these companies were sharing sensitive trade information, which had the potential to disrupt competition in the market.

"By fixing the same price quantum, it has reduced and limited options of poultry suppliers among consumers," he said here yesterday.

Iskandar, however, said these companies could not be assumed to have broken any laws since the findings by MyCC were based on preliminary investigations.

He explained that these companies were given 30 days beginning from the date the findings were made to submit their written representations.

"After receiving their written representations, MyCC will set a date for these companies to pre-sent their oral representations to the commission.

"The commission will later issue the final verdict to decide whether there was a breach of the act or otherwise that is expected to be made in October."

If found guilty, he said MyCC could impose a financial penalty of up to 10 per cent of the companies' worldwide turnover.

Iskandar added that MyCC could also slap these companies with other forms of punishment if they were found guilty.

"The act clearly states that companies are not allowed to engage into any agreements, exchange sensitive trade information related to pricing or involve in any practice that prevents, blocks or disrupts competition,"



Malaysia Competitive Commission chief executive officer Iskandar Ismail speaking at a press conference in Kuala Lumpur yesterday. © BY ASYRAF HAMZAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
06.08.2022	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

Wadah Pembaharuan
BH
BeritaHarian
Diterbitkan sejak 1957
www.bharian.com.my

Kartel naikkan harga makanan ayam didedahkan

Oleh Mohd Ikhsan Ibrahim dan Susana Dhalid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) semalam mendedahkan lima syarikat pengisar makanan ayam membuat perjanjian antipersaingan atau kartel untuk menaikkan harga makanan ternakan ayam di negara ini.

Berikutan itu, lima syarikat terabit dikesan melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010.

Seksyen 4 itu merujuk kepada satu perjanjian antara perusahaan (syarikat) dengan matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan, termasuk menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perniagaan yang lain.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
06.08.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	4

Kemuka representasi dalam tempoh 30 hari

Dari Muka 1

Lima syarikat pengisar makanan itu adalah Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd, FFM Berhad, Gold Coin Feedmills (Malaysia) Sdn Bhd, Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd.

Bercakap pada sidang media mengumumkan hasil siasatan MyCC berhubung isu kartel ayam yang dikatakan punca utama kenaikan mendadak harga ayam di pasaran sejak beberapa tahun lalu, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail, berkata melalui perjanjian itu, kelima-lima syarikat terabit dikesan menaikkan harga makanan ternakan ayam di negara ini.

Beliau berkata, dapatan itu adalah berdasarkan kepada keputusan cadangan yang diperoleh pihaknya melalui siasatan dijalankan terhadap syarikat terabit.

Katanya, kelima-lima syarikat itu dikesan melakukan kesalahan dengan memasuki perjanjian antipersaingan dan amalan bersepadu antara mereka untuk

menaikkan kuantum harga makanan ayam yang mengandungi kacang soya dan jagung sebagai bahan utamanya.

Kesalahan itu dikesan dilakukan antara awal 2020 hingga pertengahan 2022.

"Hasil siasatan mendedahkan maklumat perdagangan sensitif yang dikongsi antara perusahaan (syarikat) itu dilihat berpotensi untuk mengganggu persaingan dalam pasaran."

"Melalui penetapan harga pada kuantum sama sehingga menyebabkan kenaikan yang sama dalam kalangan syarikat, pilihan pembeli untuk memilih pembekal makanan ayam pilihan mereka yang menawarkan harga terbaik menjadi terhad."

Landskap antipersaingan

"Kesannya, perlakuan perusahaan berkenaan berpotensi menghasilkan sebuah landskap antipersaingan dalam rantaian bekalan industri ayam," katanya.

Iskandar berkata, makanan ayam adalah penyumbang utama kepada kos penternakan ayam, iaitu kira-kira 72.8 per-

Hasil siasatan mendedahkan maklumat perdagangan sensitif yang dikongsi antara perusahaan (syarikat) itu dilihat berpotensi untuk mengganggu persaingan dalam pasaran

Iskandar Ismail,
Ketua Pegawai Eksekutif MyCC



tus daripada jumlah kos keseluruhan.

"Oleh itu, apabila persaingan dimanipulasi dalam pasaran makanan ayam, keseluruhan bekalan rantaian dalam industri terjejas."

"Pengguna, yang berada di hujung rantaian bekalan ini adalah paling terjejas," katanya.

Bagaimanapun, Iskandar berkata, memandangkan penemuan MyCC melalui keputusan cadangan adalah dapatan awal hasil siasatan, maka tidak boleh diandaikan bahawa mana-mana syarikat terabit melanggar undang-undang pada peringkat ini.

Katanya, lima syarikat itu

mempunyai peluang mengemukakan representasi dalam tempoh 30 hari daripada tarikh keputusan cadangan itu disampaikan kepada mereka.

"Mereka boleh memilih untuk membentangkan representasi secara lisan pada tarikh yang akan ditentukan kelak, selepas MyCC menerima representasi bertulis mereka."

"Selepas mendengar dan mempertimbangkan representasi bersama bukti yang dikumpul dalam proses penyiasatan, MyCC akan mengeluarkan keputusan akhir sama ada berlaku pelanggaran atau sebaliknya mengikut Akta Persaingan 2010, yang dijangka pada Oktober

ini," katanya.

Beliau menegaskan, jika terdapat pelanggaran, MyCC boleh mengenakan penalti kewangan sehingga 10 peratus daripada pusing ganti (pendapatan) seluruh dunia syarikat terabit.

Selain penalti, MyCC juga boleh mengenakan arahan tertentu lain yang dianggap wajar.

"Adalah jelas mengikut Akta Persaingan 2010 bahawa perusahaan tidak sepatutnya membuat sebarang perjanjian, bertukar maklumat perdagangan yang sensitif mengenai harga atau terabit dalam sebarang amalan yang menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan."

"Perjanjian antipersaingan atau dikenali perjanjian kartel menyebabkan kerosakan yang signifikan kepada ekonomi serta pengguna secara amnya."

"Kartel adalah pelanggaran yang amat serius di bawah undang-undang persaingan."

"Oleh itu, kami meminta semua pihak untuk bersama-sama dengan MyCC dalam membongkar dan menentang perlakuan kartel dalam pasaran," katanya.